

12 APR 1999

Parlimen-Zahir

BANGUNAN PEJABAT ANGGOTA PARLIMEN KURANG DIGUNAKAN

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Anggota-anggota Parlimen diminta mengguna sepenuhnya kemudahan bilik pejabat yang terletak di blok menara bangunan Parlimen bagi memastikan tidak berlaku pembaziran.

Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail berkata menara setinggi 17 tingkat dan mempunyai 90 bilik pejabat itu sekarang tidak digunakan sepenuhnya oleh anggota Parlimen, khususnya daripada Barisan Nasional (BN).

"Anggota yang kerap menggunakan kemudahan di situ hanyalah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan anggota Parlimen yang mewakili parti pembangkang," katanya selepas menerima kunjungan delegasi lima anggota Parlimen New Zealand diketuai Speakernya Doug Kidd.

Beliau berkata blok menara yang dibina pada 1963 itu mempunyai kemudahan telefon, kerusi-meja, tandas dan bilik mandi di setiap bilik, yang dikongsi secara bersama oleh dua anggota Parlimen.

"Anggota Parlimen masih enggan menggunakan bilik pejabat itu walaupun kerajaan telah membaik pulih kemudahan di situ dengan menukarkan permaidani sedia ada dengan yang baru serta membaiki tandas," katanya.

Ditanya tentang kemungkinan blok menara itu dijadikan tempat penginapan untuk anggota Parlimen dari Sabah dan Sarawak, Zahir berkata kerajaan tidak bercadang berbuat demikian.

"Jika bangunan ini dijadikan tempat penginapan anggota Parlimen ia akan meningkatkan beban tugas kakitangan Parlimen seperti untuk membersihkan bilik dan menyediakan makanan untuk anggota berkenaan," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan membenarkan syarikat swasta menggunakan kemudahan di bangunan menara itu, Zahir berkata ia tidak dapat dilakukan kerana bangunan Parlimen adalah tempat yang dikawal rapi oleh polis.

"Kita tidak boleh membiarkan orang luar keluar-masuk bangunan Parlimen dengan mudah sahaja," katanya.

-- BERNAMA

NY NMO